

BAB EMPAT

BAB EMPAT

ANALISA DATA KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan dapatan atau hasil kajian yang dijalankan oleh penulis. Data ini telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu satu bahagian untuk pensyarah UiTM, dan satu lagi untuk pelajar. Seramai sepuluh orang pensyarah telah dipilih sebagai responden iaitu enam orang dari UiTM Shah Alam, Dua dari UiTM Melaka dan dua dari UiTM Johor. Data yang diambil dari pensyarah ialah mengenai latarbelakang pendidikan, kelayakan, pengalaman mengajar, masalah dalam pengajaran kosa kata dan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah.

Manakala data yang diambil dari pelajar pula ialah latarbelakang, pendidikan asas bahasa Arab, anggapan tentang bahasa Arab, pengetahuan tentang kosa kata BA, aktiviti-aktiviti BA yang disertai, penggunaan alat bantu mengajar, masalah dalam pembelajaran kosa kata BA dan jenis-jenis kosa kata yang sering menjadi masalah. Seramai seratus orang pelajar telah dijadikan sebagai responden, iaitu empat puluh pelajar dari kampus Shah Alam, tiga puluh dari kampus Melaka dan tiga puluh dari kampus Johor.

4.1 Hasil Soal Selidik dari Pensyarah.

Data yang terkumpul hasil dari soal selidik responden pertama iaitu pensyarah telah dibahagikan kepada maklumat peribadi, maklumat pengajaran secara umum dan maklumat pengajaran khusus mengenai kosa kata.

4.1.1 Maklumat Peribadi

Jadual 1

Jantina

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Lelaki	8	80.0
2	Perempuan	2	20.0
	Jumlah	10	100%

Dalam jadual 1 di atas menunjukkan bahawa bilangan pensyarah perempuan di UiTM sedikit dibandingkan dengan pensyarah lelaki dimana hanya terdapat dua orang atau 20 peratus berbanding lapan pensyarah lelaki atau lapan puluh peratus. Kedua-dua pensyarah perempuan itu dari kampus Shah Alam.

Jadi dari segi jantina pensyarah, ianya amat berbeza sekali dengan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di UiTM. Di UiTM, bilangan pelajar perempuan mengatasi bilangan pelajar lelaki, bahkan ada sesetengah kelas, tidak terdapat pelajar lelaki dan kebanyakan kelas, bilangan pelajar lelaki tidak sampai separuh dari bilangan pelajar perempuan. Di kampus-kampus cawangan, kesemua pensyarah bahasa Arab adalah lelaki.

Oleh itu, jika dikira dari segi kekurangan pensyarah perempuan berbanding nisbah pelajar perempuan yang amat tinggi dari pelajar lelaki boleh juga menimbulkan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Ini adalah kerana jika seseorang pelajar perempuan mempunyai masalah dalam memahami atau menggunakan sesuatu kosa kata yang dianggap sensitive dari segi maknanya, dia akan merasa segan untuk bertanya atau berbincang dengan pensyarah lelaki. Untuk mengatasi masalah, pihak

yang bertanggungjawab dengan pemilihan pensyarah juga perlu melantik lebih ramai pensyarah wanita agar masalah ketidakseimbangan jantina ini dapat di atasi.

Jadual 2
Kelayakan Akademik

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Phd	0	0.0
2	Sarjana	6	60.0
3	Sarjana Muda	4	40.0
	Jumlah	10	100%

Dari jadual di atas, tidak seorang pun pensyarah yang mengajar bahasa Arab di UiTM mempunyai kelulusan doktor falsafah. Berbanding dengan bahasa Inggeris yang ramai telah mempunyai ijazah tersebut. Pensyarah yang mempunyai ijazah sarjana enam orang atau 60 peratus manakala pensyarah yang mempunyai kelulusan sarjana muda seramai empat orang atau 40 peratus.

Kelulusan yang tinggi serta pengalaman mengajar merupakan aspek terpenting dalam pengajaran bahasa Arab, “ *Seseorang guru bahasa memerlukan latihan khusus untuk mengajar bahasa disamping latihan umum untuk menjadi guru*” (Robert Lado, 1980). Pensyarah yang berkelulusan tinggi akan menyebabkan pelajar rasa lebih yakin dan hormat. Pengalaman mengajar yang luas dan lama merupakan salah satu asset yang penting bagi seorang pensyarah untuk mengenali dan memahami kehendak pelajar serta mengatasi kelemahan mereka.

Jadual 3
Bidang Pengkhususan

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Bahasa Arab	8	80%
2	Pengajian Islam	2	20%
3	Lain-lain	0	0%
	Jumlah	10	100%

Jadual di atas menunjukkan pensyarah yang berkelulusan bahasa Arab ialah 80 peratus manakala pensyarah yang berkelulusan Pengajian Islam hanya 20 peratus. Ini menunjukkan pensyarah yang pengkhususan bahasa Arab lebih ramai. Dalam pengajaran bahasa, pengajar yang ada bidang pengkhususan lebih layak berbanding dengan yang berkelulusan bidang lain. Namun begitu, ini tidak menjamin mutu pengajaran yang terbaik. Ini adalah kerana belajar dan mengajar adalah dua perkara yang berbeza. Mereka mungkin boleh menguasai bahasa Arab dengan baik tapi tak semestinya boleh mengajar dengan baik. Di samping kelulusan dan ilmu, bidang pengajaran memerlukan minat, latihan, kepakaran dan pengalaman dalam menyampaikan apa yang diajar supaya pelajar tidak rasa jemu dan takut.

Walau bagaimanapun, bidang pengkhususan adalah asas yang sangat penting samada di peringkat ijazah pertama mahupun sarjana untuk seorang pengajar yang benar-benar berminat dalam pengajaran bahasa Arab. Seorang penutur bahasa Arab yang baik tidak semestinya pengajar yang cemerlang.

Jadual 4
Institusi Pengajian

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Dalam Negeri	2	20%
2	Luar Negeri	4	40 %
3	Kedua-dua	4	40 %
	Jumlah	10	100 %

Jadual di atas menunjukkan penyarah yang berkelulusan dari luar negeri sebanyak 40 peratus, 20 peratus pensyarah yang berkelulusan dari dalam negeri, dan 40 peratus pensyarah yang berkelulusan kedua-duanya sekali. Dari segi pengalaman tentang bahasa dan budaya bangsa Arab, lulusan dari Timur Tengah mempunyai kelebihan kerana pengalaman mereka lebih luas dan sangat faham tentang cara dan gaya bahasa pertuturan bangsa Arab. Pendedahan ini sangat diperlukan untuk menguatkan lagi keberkesanan dalam pengajaran terutama ketika sesi kemahiran bertutur. Tapi ini tidak bermakna lulusan luar negeri tidak mempunyai kelemahan dalam pengajaran sebab tidak semestinya gaya bahasa yang diajar sesuai dengan budaya masyarakat kita.

Pensyarah yang berkelulusan dalam negeri, kalau diukur dari sudut penguasaan bahasa Arab, mereka juga hebat. Ini adalah kerana sistem pembelajaran yang mereka lalui di universiti tanah air lebih teratur dan sangat sesuai dengan tuntutan masyarakat setempat. Cuma dari sudut pendedahan kepada budaya dan cara pertuturan bangsa Arab, mereka agak lemah dan memerlukan bimbingan dari pensyarah-pensyarah yang lebih berpengalaman. Mereka perlu diberi pendedahan yang lebih mantap terhadap gaya pertuturan penutur asal supaya tidak lagi terikat dengan corak baha ibunda terutama dalam sesi pengajaran.

Jadual 5

Pengalaman Mengajar

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kurang dari 1 tahun	0	0 %
2	1 hingga 5 tahun	3	30 %
3	5 hingga 10 tahun	4	40 %
4	10 tahun keatas	3	30 %
	Jumlah	10	100 %

Jadual di atas menunjukkan bilangan pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar bahasa Arab lebih dari 10 tahun seramai 3 orang iaitu 30 peratus daripada jumlah responden yang dipilih. Manakala pensyarah yang berpengalaman selama 5 hingga 10 tahun seramai 4 orang iaitu 40 peratus dan 3 orang lagi iaitu 30 peratus mempunyai pengalaman selama 1 hingga 5 tahun. Berbekalkan pengalaman yang luas, pengajar akan lebih peka terhadap kelemahan dan kerenah pelajar. Dari pengalaman juga, pengajar lebih terdedah kepada kepelbagaiannya cara mencari pendekatan yang lebih sesuai dan berkesan. Biasanya, pensyarah yang telah lama berkhidmat dijadikan tempat meminta nasihat oleh pensyarah yang masih baru kerana ilmu dan pengalaman mereka amat berharga untuk memajukan lagi tahap pengajaran.

Walaupun begitu, kadang-kadang terdapat juga pensyarah yang telah lama berkhidmat kurang memberi tumpuan dan tidak aktif dalam aktiviti-aktiviti pelajar. Dalam hal ini, pensyarah yang baru lebih berminat dan aktif. Semangat dan cita-cita biasanya membuat pengajar yang masih baru lebih bergiat dengan berbagai aktiviti pelajar seperti pementasan, lakonan, nasyid dan sebagainya. Mereka juga dikatakan mempunyai lebih banyak idea-idea yang baru dan juga lebih senang untuk dibentuk dan diberi tunjuk ajar.

Jadual 6

Kekerapan mengikuti Kursus Pengajaran Bahasa Arab

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Selalu	4	40 %
2	Kadang-kadang	4	40 %
3	Tidak pernah	2	20 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini menunjukkan peratus kekerapan mengikuti kursus pengajaran bahasa Arab samada anjuran UiTM ataupun pihak lain. 40 peratus dari responden yang dipilih kerap mengikuti kursus, 40 peratus pensyarah pernah mengikuti dengan tidak kerap, manakala 20 peratus lagi tidak pernah mengikuti mana-mana kursus tersebut. Berbanding dengan subjek-subjek lain di UiTM, bahasa Arab tidak mendapat peluang yang menggalakkan dari segi menganjurkan seminar terutama untuk pensyarah-pensyarah dari kampus cawangan.

Dalam masalah ini, pihak unit bahasa Arab perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengadakan seminar khas bagi pengajaran bahasa Arab kepada pensyarah-pensyarah khususnya bagi yang masih baru dan belum terdedah dengan kaedah yang diamalkan di UiTM. Langkah ini akan dapat menyelaraskan kaedah pengajaran bahasa Arab komunikasi untuk semua cawangan. Dengan cara mengikuti kursus pengajaran juga, pensyarah akan sentiasa mengikuti perkembangan terbaru dalam dunia pengajaran bahasa. Setiap tenaga pengajar perlu mendapat maklumat dari masa kesemasa dari pihak induk tentang perkembangan terkini supaya tidak berlaku ketidak selaras dalam sistem pengajaran.

4.1.2 Maklumat Pengajaran

Jadual 7

Komen Tentang Kaedah Pengajaran Komunikasi

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	3	30 %
2	Baik	7	70 %
3	Kurang baik	0	0 %
	Jumlah	10	100%

Jadual ini menunjukkan komen atau pendapat pensyarah tentang kaedah pengajaran bahasa Arab komunikasi. 30 peratus berpendapat bahawa kaedah ini amat baik dan berkesan, 70 peratus mengatakan baik dan tiada pensyarah yang tidak setuju dengan kaedah ini. Walaupun di dalam kaedah komunikasi masih terdapat kekurangan-kekurangan seperti tiada penekanan dari segi sintaksis dan morfologi secara langsung, namun pendekatan ini merupakan yang paling sesuai dengan pengajaran bahasa Arab di UiTM yang mempunyai masa yang sangat terhad.

Walau bagaimanapun, sebelum menggunakan kaedah yang masih baru ini, pensyarah seharusnya terlebih dahulu memahami konsep dan objektif pengajaran yang menggunakan kaedah ini. Pensyarah juga perlu mempunyai metod yang menarik dan berkesan dalam pengajarannya agar ianya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pelajar. Kaedah ini juga memerlukan usaha yang gigih dari tenaga pengajar samada dari aspek teknikal mahupun idea-idea untuk menghaluskan anggapan pelajar bahawa BA adalah satu bahasa yang tidak menarik.

Jadual 8

Aspek (Ejaan) Yang diberi Penekanan Dalam Pengajaran.

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat Penting	3	30 %
2	Penting	4	40 %
3	Kurang Penting	3	30 %
	Jumlah	10	100%

Soalan yang seterusnya ialah mengenai penilaian pensyarah terhadap aspek-aspek yang diberi penekanan dalam kaedah pengajaran BA yang ada sekarang. Jadual ini menunjukkan penekanan dalam aspek ejaan. 30 peratus berpendapat bahawa aspek ini amat penting manakala 40 peratus mengatakan ianya penting. Pensyarah yang menganggap aspek ini kurang penting ialah 30 peratus.

Aspek ejaan merupakan asas terpenting dalam kemahiran menulis yang merupakan salah satu kemahiran yang diberi penekanan di dalam kaedah pengajaran komunikasi. Aspek ini memerlukan latihan secara berterusan sehingga pelajar betul-betul mencapai tahap yang memuaskan sebelum mereka melangkah ke tahap kemahiran menulis ayat atau karangan. Pensyarah yang kurang memberi penekanan di dalam aspek ini akan menghadapi masalah dalam pengajaran kemahiran menulis.

Bahasa Arab mempunyai kosa kata yang sangat sensitif dari segi perubahan makna iaitu jika berlaku salah satu kesilapan huruf atau fonem dalam kosa kata Arab boleh mengakibatkan perubahan makna. Kesedaran tentang aspek ini perlu diberi kesedaran oleh pensyarah yang mengajar BA kepada setiap pelajarnya.

Jadual 9

Aspek (Bertutur) yang diberi Penekanan Dalam Pengajaran

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat Penting	8	80 %
2	Penting	2	20 %
3	Kurang Penting	0	0 %
	Jumlah	10	100%

Aspek pertuturan merupakan aspek yang paling utama di dalam pengajaran bahasa Arab komunikasi. Pelajar yang masih tidak dapat bertutur dalam BA dianggap belum dapat menguasai bahasa itu walaupun mendapat keputusan yang baik di dalam peperiksaan. Jadual ini menunjukkan kesedaran di kalangan pensyarah tentang aspek ini, dimana 80 peratus daripada responden yang mengatakan ia amat penting, 20 peratus mengatakan ia penting dan tiada pensyarah yang menganggap ia tidak penting iaitu 0 peratus.

Namun begitu, untuk mewujudkan suatu suasana di mana pelajar dapat berkomunikasi dalam bahasa Arab samada dengan pensyarah mahupun sesama sendiri adalah amat susah. Kita masih tidak mampu untuk merealisasikan metodologi yang dikehendaki dalam kaedah komunikasi secara sepenuhnya di dalam sesi pengajaran. Metod yang dimaksudkan ialah, pensyarah hanya memainkan peranan hanya 30 peratus sahaja dalam sesi perbualan manakala 70 peratus lagi sepatutnya dimainkan oleh pelajar semasa sesi perbualan di kelas. Usaha ini masih belum mencapai tahap yang dikehendaki adalah kerana beberapa faktor dan di antaranya ialah penguasaan kosa kata yang sangat lemah di kalangan pelajar.

Jadual 10

Aspek (Tatabahasa) yang diberi Penekanan Dalam Pengajaran

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat Penting	4	40 %
2	Penting	4	40 %
3	Kurang Penting	2	20 %
	Jumlah	10	100 %

Jadual ini menunjukkan penilaian pensyarah terhadap kaedah komunikasi yang digunakan sekarang dalam aspek pengajaran tatabahasa. 40 peratus mengatakan ia amat penting, 40 peratus menganggap ia penting, manakala 20 peratus lagi mengatakan ianya kurang penting. Aspek tatabahasa yang dimaksudkan ialah sintaksis dan morfologi yang merupakan aspek terpenting di dalam keadaan terjemahan yang digunakan di pondok-pondok, sekolah-sekolah Arab dan masjid-masjid.

Walaupun pada zahirnya, aspek tatabahasa tidak begitu penting di dalam kaedah pengajaran komunikasi tetapi pada hakikat sebenar di dalam setiap bahasa, aspek ini merupakan salah satu aspek asas yang perlu dikuasai oleh pelajar dan pengajar. Cuma di dalam kaedah komunikasi khususnya BA, aspek ini tidak diajar secara langsung sepetimana kaedah terjemahan. Kaedah komunikasi lebih mementingkan penggunaan bahasa yang diajar, daripada pengetahuan tentang bahasa itu. Untuk mengatasi masalah kejahanan pelajar tentang aspek tatabahasa, pensyarah perlu bijak menyelitkan unsur ini dalam pengajaran secara tidak langsung.

Jadual 11

Aspek (Menulis Karangan) yang diberi Penekanan Dalam Pengajaran

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat Penting	3	30 %
2	Penting	4	4 %
3	Kurang Penting	3	30 %
	Jumlah	10	100 %

Aspek menulis karangan juga bukanlah satu aspek yang diberi keutamaan di dalam kaedah pengajaran yang ada sekarang. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh pensyarah sebagaimana yang terdapat di dalam jadual di atas. Hanya 30 peratus pensyarah yang mengatakan ianya amat penting, 40 peratus mengatakan ia penting, manakala 30 peratus lagi mengatakan ia kurang penting.

Jika dinilai dari sudut pemarkahan di dalam peperiksaan dan ujian-ujian bulanan yang dijalankan di UiTM, markah menulis karangan tidak melebihi 10 peratus daripada markah keseluruhan. Di peringkat asas, pelajar tidak dibebankan dengan penulisan karangan, cuma di latih dalam aspek ejaan dan bukan dalam bentuk karangan. Ini bermakna kaedah yang digunakan, tidak mengutamakan penulisan karangan di peringkat awal pembelajaran dan pengajaran. Di peringkat pertengahan, pelajar mula diajar kemahiran menulis secara sedikit demi sedikit bermula daripada menulis ayat-ayat yang pendek dan ringkas. Walau bagaimana pun aspek ini juga tidak kurang pentingnya untuk membantu memperkayakan lagi penguasaan kosa kata termasuklah mengingati serta cara mengolah dengan baik.

Jadual 12

Aspek (Tugasan) yang diberi Penekanan Dalam Pengajaran

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat Penting	2	20 %
2	Penting	4	40 %
3	Kurang Penting	4	40 %
	Jumlah	10	100 %

Jadual ini menunjukkan penilaian pensyarah tentang aspek penekanan dalam kaedah pengajaran yang ada sekarang pada tugas-tugas sampingan. Tugas ini termasuklah membuat rencana ringkas samada bergambar atau tidak, berdialog secara berkumpulan dalam BA dan sebagainya. 20 peratus mengatakan tugas ini amat penting, 40 peratus mengatakan ia penting manakala 40 peratus lagi mengatakan ia kurang penting.

Dari segi pemarkahan pula, tugas ini akan dimasukkan dalam markah aktiviti-aktiviti iaitu 10 peratus daripada markah keseluruhan. Walaupun tugas ini pada zahirnya tidak begitu penting, tapi ia menunjukkan sejauh mana komitmen dan minat yang ditunjukkan oleh pelajar di alam pembelajaran BA. Kebanyakan pelajar terutama yang sudah mempunyai asas dalam BA menganggap tugas-tugas ini tidak begitu penting dengan membuatnya secara sambil lewa sahaja, berbanding pelajar yang tidak mempunyai asas lebih menunjukkan minat untuk menghasilkan sesuatu yang lebih menarik dan kreatif. Keadaan ini perlu disedari oleh pensyarah dan berusaha untuk memberi motivasi kepada pelajar tentang kepentingan aspek ini.

Jadual 13

Kekerapan Menggunakan Bahan-bahan Sendiri Selain Teks

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Selalu	4	40 %
2	Kadang-kadang	5	50 %
3	Tidak pernah	0	0 %
	Jumlah	10	100 %

Penggunaan alat bantu mengajar di dalam kaedah pengajaran komunikasi, merupakan salah satu metod yang di mestikan. Tanpa bantuan alat-alat seperti gambar, foto, audio video, objek-objek, dan sebagainya, akan melembabkan proses pengajaran dan dikira tidak lengkap. Dalam jadual di atas, 40 peratus pensyarah yang selalu menggunakan bahan-bahan lain selain teks, 50 peratus menggunakannya kadang-kadang dan tiada pensyarah yang tidak pernah menggunakannya.

Bahan-bahan lain yang dimaksudkan ialah alat-alat bantu mengajar seperti yang disebutkan di atas termasuklah bahan-bahan bacaan seperti majalah BA, rencana bergambar dan lain-lain. Pensyarah yang betul-betul berminat dan komited di dalam kerjayanya, akan sentiasa memikirkan cara terbaik untuk meningkatkan tahap dan mutu pengajarannya. Penggunaan ABM biasanya terletak kepada inisiatif pensyarah itu sendiri. Selain dari apa yang sudah disediakan di makmal bahasa, pensyarah yang kreatif akan menggunakan bahan-bahan sampingan hasil ciptaannya sendiri semata2 untuk menarik minat pelajarnya supaya tidak merasa jemu dan tertekan semasa sesi pengajaran.

Jadual 14

Halangan-halangan Kecekapan Berkomunikasi

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Masa terhad	10	100%
2	Sukatan terlalu banyak	8	80%
3	Teks tidak sesuai	2	20%
4	Pelajar tidak berminat	6	60%
5	Jumlah pelajar dalam satu kelas terlalu ramai	10	100%

Di dalam jadual ini, penulis telah menyenaraikan di antara faktor-faktor yang menghalang kecekapan komunikasi BA di kalangan pelajar.

1. Masa Terhad – Kesemua pensyarah yang dipilih sebagai responden telah setuju dengan sebulat suara iaitu 100 peratus bahawa masalah masa yang sangat terhad merupakan faktor penyebab terhalangnya latihan komunikasi di kalangan pelajar. Sebelum tahun 2002, masa yang diperuntukan ialah 4 jam seminggu, tetapi bermula tahun 2002, jumlah masa telah dikurangkan kepada 2 jam seminggu.
2. Sukatan Terlalu Banyak – Faktor yang kedua ini mendapat persetujuan sebanyak 80 peratus daripada responden. Apabila masa telah dikurangkan, sudah semestinya sukatan yang sedia ada akan menjadi satu beban yang banyak untuk di habiskan oleh pengajar dan pelajar. Ini juga akan menyebabkan masa untuk latihan komunikasi tidak mencukupi.
3. Teks Tidak Sesuai – faktor ketiga yang disenaraikan ini hanya mendapat persetujuan sebanyak 20 peratus sahaja. Ini bermakna 80 peratus lagi pensyarah telah berpuas hati dengan teks yang digunakan.

4. Pelajar Tidak Berminat – faktor keempat pula mendapat persetujuan sebanyak 60 peratus. Ini bermakna bagi pendapat mereka, minat dan komitmen pelajar telah menjadi salah satu faktor penyebab terhalang kecekapan komunikasi.
5. Jumlah pelajar terlalu Ramai – Faktor ini juga mendapat persetujuan 100 peratus responden. Di dalam kaedah pengajaran komunikasi, bilangan pelajar yang paling ideal di dalam satu kelas ialah di antara 20 hingga 25 orang sahaja tapi apa yang berlaku di UiTM, jumlah pelajar di dalam satu kelas biasanya 30 orang keatas.

Jadual 15

Komen Terhadap Kosa kata Merupakan Aspek Utama Dalam Menentukan Kecekapan Berkommunikasi dan penulisan

Bil	Perkata	Bil. Responden	Peratus
1	Sangat setuju	8	80 %
2	Setuju	2	20 %
3	Kurang setuju	0	0%
4	Tidak setuju	0	0%
	Jumlah	10	100%

Jadual ini menunjukkan persetujuan responden terhadap kenyataan bahawa kosa kata merupakan aspek utama dalam menentukan kecekapan berkommunikasi dan penulisan. 80 peratus mengatakan amat setuju dan 20 peratus setuju. Peratusan ini jelas membuktikan bahawa kedudukan kosa kata di dalam bahasa Arab adalah yang terpenting dan perlu di beri penekanan yang sewajarnya di dalam sesi pengajaran.

4.1.2 Maklumat pengajaran kosa kata

Jadual 16

Pendapat Mengenai Penguasaan Kosa kata di kalangan Pelajar

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Tiada Masalah	0	0 %
2	Kurang bermasalah	2	20 %
3	Bermasalah	6	60 %
4	Sangat bermasalah	2	20 %
	Jumlah	10	100 %

Di dalam jadual ini, 60 peratus responden berpendapat bahawa penguasaan kosa kata di kalangan pelajar adalah bermasalah, 0 peratus yang mengatakan tidak bermasalah, 20 peratus mengatakan kurang bermasalah dan 20 peratus lagi berpendapat bahawa ianya sangat bermasalah. Ini bermakna, kesedaran di kalangan tenaga pengajar tentang kelemahan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar telah pun wujud serta menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran.

Walau bagaimanapun kesedaran ini harus disusuli dengan usaha-usaha untuk mencari punca-punca permasalahan serta pendekatan yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini. Gabungan di antara idea-idea baru yang lebih berasas dengan pengalaman tenaga-tenaga lama amat di perlukan untuk menghasilkan satu pendekatan yang paling mantap dan berkesan. Pensyarah yang selalu bersendirian dan tidak berkongsi maklumat sesama sendiri semasa bertugas akan menemui jalan buntu apabila ditimpa sesuatu masalah.

Jadual 17

Jenis Kosa kata Yang Susah Dikuasai Pelajar (Kata Nama dan Pecahannya)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kerap	8	80 %
2	Jarang	2	20 %
3	Tiada	0	0 %
	Jumlah	10	100 %

Jadual ini menunjukkan jenis kosa kata yang susah dikuasai pelajar iaitu kata nama dan pecahannya seperti ganti nama dan kata sifat (adjektif). 80 peratus daripada responden mengatakan bahawa jenis ini kerap menjadi masalah kepada pelajar manakala 20 peratus mengatakan ianya jarang menjadi masalah.

Jika kita perhatikan balik di dalam soal selidik pelajar, kata nama sememangnya merupakan jenis kosa kata yang paling susah dikuasai, sehingga masih ramai pelajar yang tidak tahu apakah makna “isim” itu sendiri. Masalah yang dimaksudkan juga termasuklah cara mengolah kata nama dan pecahannya di dalam membuat ayat samada semasa menulis mahupun bertutur.

Selain dari kekurangan perbendaharaan kata mengenai kata nama, kebanyakan pelajar juga sangat lemah di dalam penggunaan ganti nama di dalam komunikasi. Masalah ini menyebabkan pelajar berasa takut, rendah diri serta tidak yakin untuk bertutur dalam BA.

Jadual 18

Jenis Kosa kata Yang Susah Dikuasai Pelajar (Kata kerja dan pecahannya)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kerap	8	80 %
2	Jarang	2	20 %
3	Tiada	0	0 %
	Jumlah	10	100 %

Jenis kata kerja dan pecahannya juga menunjukkan peratus yang sama dengan kata nama. Jadual ini menunjukkan 80 peratus responden mengatakan ianya kerap menjadi masalah kepada pelajar dan 20 peratus mengatakan jarang, manakala yang mengatakan masalah ini tidak berlaku ialah 0 peratus.

Berdasarkan pengalaman pengkaji sebagai pengajar di UiTM, masalah kata kerja di kalangan pelajar ialah untuk membezakan jenis kata kerja samada ianya kata kerja kalau lampau mahupun kala kini/masa depan. Dari sudut gender pula, masih ramai pelajar yang gagal untuk membezakan di antara kata kerja muzakkir dan mu'annath. Kelemahan ini paling kerap terjadi di dalam komunikasi di mana pelajar kerap melakukan kesilapan apabila bertutur. Selain dari unsur gender, kesilapan dari segi bilangan kata kerja juga kerap terjadi. Ramai di antara pelajar yang masih gagal untuk sesuaikan jenis kata kerja samada mufrad, muthanna mahupun jama' dengan ayat yang dibuat. Mereka sering membuat kesilapan dalam membezakan jenis-jenis kata kerja. Masalah ini timbul dari sikap pelajar yang tidak mengambil berat serta kurang tumpuan semasa sesi pengajaran.

Jadual 19

Jenis Kosa kata Yang Susah Dikuasai Pelajar (Partikel)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kerap	6	80 %
2	Jarang	4	20 %
3	Tiada	0	0 %
	Jumlah	10	100 %

Jenis kosa kata yang ketiga pula ialah partikel. Jadual ini menunjukkan 60 peratus responden mangatakan jenis kosa kata ini kerap menjadi masalah, 40 peratus mengatakan ianya jarang dan tiada responden yang mengatakan ianya tidak pernah menjadi masalah.

Walaupun jenis kosa kata partikel tidaklah sebanyak kata nama dan kata kerja, tetapi dari segi penggunaarinya, masih menjadi masalah kepada pelajar. Kerap terdapat penggunaan partikel yang tidak sesuai dengan ayat samada di dalam pertuturan mahupun penulisan pelajar. Selain dari pemilihan partikel yang tidak sesuai dengan frasa, kesilapan juga kerap terjadi apabila pelajar menggunakan partikel di tempat yang tidak sepatutnya ada jenis kosa kata itu, sebagai contoh: (أَذْهَبُ فِي الْمَدْرَسَةِ) “saya pergi di sekolah”. Penggunaan partikel (في) di dalam ayat ini adalah salah. Sepatutnya frasa ini menggunakan partikel (إلى) di tengah-tengahnya iaitu: (أَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ).

Kelemahan penguasaan partikel juga akan menyebabkan kegagalan pelajar untuk membuat ayat yang sempurna samada dalam pertuturan mahupun penulisan kerana jenis kosa kata ini sangat penting sebagai kata penghubung di antara kata nama dan kata kerja.

Jadual 20

Faktor-faktor Kelemahan Penguasaan kosa kata di Kalangan Pelajar

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kurang minat	0	0 %
2	Ciri-ciri kosa kata yang rumit	6	60 %
3	Kurang pengetahuan tentang kaedah pembahagian jenis-jenis kosa kata	7	70 %
4	Kurang sedar implikasi kesilapan huruf atau baris dalam kalimah	6	60 %
5	Buku teks kurang berkesan	1	10 %
6	Kurang latihan bertutur dan menulis	5	50 %
7	Persekutaran kampus tidak membantu	6	60 %
8	Kurang bahan rujukan	3	30 %
9	Bahan Bantu mengajar yang kurang sesuai	4	40 %

Di dalam jadual ini pula, pengkaji telah senaraikan 9 faktor kelemahan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar BA dan responden dikehendaki memilih mana-mana faktor yang mereka fikir ianya ujud.

1. Kurang Minat Di Kalangan Pelajar – faktor pertama ini tidak mendapat persetujuan dari responden iaitu 0 peratus. Ini bermakna kesemua responden berpendapat bahawa setiap pelajar yang telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa elektif semestinya mempunyai minat untuk menguasainya. Jika sebaliknya, sudah tentu mereka akan memilih bahasa ketiga yang lain seperti manderin, Korea, jepun, perancir dan lain-lain.

2. Ciri-ciri kosa kata yang rumit – faktor kedua ini mendapat persetujuan oleh 60 peratus dari responden yang dipilih. Ciri-ciri kosa kata BA yang unik dan rumit memang diperakui oleh kebanyakan orang termasuk pakar-pakar bahasa sendiri seperti, Asmah Hj. Omar yang telah memperakui keunikkan BA di dalam karangan beliau (kaedah pengajaran Bahasa).
3. Kurang Pengetahuan Tentang Kaedah Pembahagian Jenis-jenis Kosa kata – faktor yang ketiga ini pula telah mendapat persetujuan oleh 70 peratus dari responden yang dipilih. Selain daripada kelemahan dalam menghafaz kosa kata, kaedah pembahagian dan cara mengolah kosa kata juga menjadi permasalahan yang serius kepada pelajar.
4. Kurang Sedar Implikasi Kesilapan Huruf Atau Baris dalam kalimah – faktor yang keempat ini menjadi pilihan kepada 60 peratus responden. Di dalam BA, perubahan salah satu huruf samada di awal , tengah ataupun di akhir kalimah akan mengakibatkan perubahan makna. Contoh: (نِعْمَةٌ) *ni'mat* bermaksud nikmat atau pemberian, manakala (نِقْمَةٌ) *niqmat* pula bermaksud kesusahan atau musibah. Selain dari huruf, kesilapan baris juga akan memberi akibat yang sama. Contoh: (إِمَامٌ) *imam* bermaksud “Imam di dalam solat” atau “Tok Imam”, manakala (أَمَامٌ) *amam* pula bermaksud “di hadapan”.
5. Buku Teks Kurang Berkesan – faktor buku teks ini kurang mendapat sokongan daripada responden dimana hanya 10 peratus yang menyetujuinya. Ini bermakn, 90 peratus responden berpendapat buku teks yang ada sekarang sesuai dan berkesan.

6. Persekutaran Kampus Yang Tidak membantu – faktor persekitaran telah mendapat sokongan dari 60 peratus responden. Ini bermakna lebih separuh dari 10 responden yang di pilih berpendapat bahawa persekitaran kampus juga memainkan peranan yang penting di dalam proses pengajaran kosa kata BA di UiTM.
7. Kurang Bahan rujukan – faktor ini pula hanya mendapat persetujuan seramai 3 orang pensyarah daro 10 yang di pilih iaitu 30 peratus. Ini bermakna, di dalam proses pembelajaran BA di UiTM, bahan rujukan tidaklah menjadi masalah kepada pensyarah dan pelajar.
8. Bahan Bantu Mengajar Yang Kurang Sesuai – Dari 10 responden yang dipilih, 40 peratus yang mengatakan salah satu faktor masalah penguasaan kosakat di kalangan pelajar ialah bahan bantu mengajar yang kurang sesuai. Peranan alat bantu mengajar di dalam pengajaran komunikasi adalah sangat penting dan kerap digunakan dalam sesi pengajaran. Ia mesti lah sesuai dengan kandungan silibus dan keadaan persekitaran.

Walau bagaimanapun, Jika terlalu mengharapkan alat-alat yang sedia ada di makmal bahasa semata-mata, tidak akan mencukupi dan ada yang sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan semasa kerana bahan atau alat itu sudah lama.

Jadual 21

Pendapat Bahawa Kelemahan Penguasaan Kosa kata Merupakan Masalah Terpenting

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Sangat setuju	7	70 %
2	Setuju	3	30 %
3	Kurang setuju	0	0 %
4	Tidak setuju	0	0 %
	Jumlah	10	100 %

Berpandukan pendapat responden di dalam jadual ini, kepentingan masalah kosa kata di dalam pengajaran bahasa Arab di UiTM, merupakan masalah utama khususnya dalam komunikasi. Dari 10 responden yang disoal selidik, 70 peratus mengatakan sangat setuju dengan pendapat ini dan 30 peratus lagi setuju, tiada responden yang kurang atau tidak setuju. Kenyataan ini membuktikan kesedaran di kalangan tenaga pengajar betapa pentingnya penguasaan kosa kata di dalam pengajaran dan pembelajaran BA.

Namun begitu, kesedaran sahaja tidak memadai tanpa usaha mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah kelemahan penguasaan kosa kata yang telah lama wujud di kalangan pelajar UiTM. Satu pendekatan yang benar-benar berkesan harus difikirkan bersama kearah memantapkan lagi kaedah pengajaran demi kepentingan dan maruah satu-satu nya bahasa al-Quran. Selagi masalah ini tidak dapat ditangani dengan sewajarnya, kita tidak akan dapat menjayakan konsep komunikasi samada dalam pengajaran mahupun pembelajaran kerana konsep tidak menggalakkan komunikasi di antara pelajar dengan guru dengan menggunakan bahasa ibunda.

Jadual 22

Saranan Untuk Mengatasi Masalah Kelemahan Penguasaan kosa kata

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Menggalakkan pelajar membaca bahan berbentuk cerita berdialog, majallah dan akhbar BA	10	100 %
2	Melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti-aktiviti BA	10	100 %
3	Menyedarkan pelajar betapa pentingnya penguasaan kosa kata dalam BA	10	100 %
4	Lain-lain	2	20 %
	Jumlah		

Jadual terakhir ini ialah mengenai saranan-saranan yang telah di senaraikan oleh pengkaji untuk dipilih oleh responden. Selain dari saranan yang telah disenaraikan, responden juga boleh memberi saranan atau cadangan yang mereka fikirkan perlu untuk mengatasi masalah pengajaran kosa kata di UiTM.

1. Menggalakkan pelajar membaca bahan sampingan.

Saranan yang pertama ini mendapat persetujuan oleh kesemua responden.

Dengan banyak membaca bahan-bahan sampingan seperti, buku cerita, majalah dan akhbar bahasa Arab, akan dapat membantu meningkatkan penguasaan kosa kata dengan amat berkesan. Melalui bahan bacaan tersebut, pelajar akan terdedah dengan lebih banyak perbendaharaan kata serta cara menggunakananya.

2. Melibatkan pelajar secara aktif di dalam aktiviti BA.

Salah satu cara untuk meningkatkan penguasaan kosa kata BA, ialah dengan cara melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti BA yang di anjurkan oleh pihak

unit bahasa Arab dan juga kelab bahasa Arab. Saranan ini juga mendapat sokongan oleh 100 peratus responden.

3. Menyedarkan pelajar betapa pentingnya penguasaan kosa kata.

Saranan yang ketiga ialah dengan cara selalu memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan menguasai kosa kata di dalam proses pembelajaran BA. Pelajar juga perlu sentiasa dilatih untuk menghafaz kosa kata yang di perkenalkan serta cara untuk mengolahnya dengan baik. Saranan ini juga menjadi pilihan kesemua iaitu 100 peratus responden.

4. Lain-lain.

Terdapat 2 responden yang telah memberi pendapat sendiri sebagai saranan untuk mengatasi masalah ini.

Pendapat pertama berbunyi: “ Guru perlu mempunyai strategi tertentu dan lebih pelbagai untuk meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar”. Ini bermakna, selain dari kesungguhan, kepelbagaian cara dan strategi tertebtu adalah penting di dalam menarik minat pelajar untuk meningkatkan proses pembelajaran mereka.

Manakala pendapat kedua pula berbunyi: “ peruntukkan masa perlu ditambah agar pensyarah dpat merancang aktiviti-aktiviti bahasa dengan harapan dan tujuan dapat memantapkan lagi penguasaan kosa kata di kalangan pelajar”.

4.1.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisa-analisa yang telah dibuat di atas, kajian ini mendapati masih ujud kelemahan-kelemahan di dalam sistem pengajaran kosa kata bahasa Arab di UiTM, samada ianya bersifat luaran mahupun dalaman (akan dibincangkan di dalam bab 5). Namun kelemahan yang ujud ini kebanyakannya telah di sedari oleh tenaga pengajar

terutama masalah luaran. Kajian ini juga mendapati kelemahan dari sudut tiada keseragaman dalam proses pengajaran BA di antara kampus-kampus UiTM dan juga di antara para pensyarah BA. Di antara faktor yang menyebabkan kelemahan ini ialah masih terdapat pensyarah yang tidak berpeluang menghadiri kursus, seminar atau bengkel tentang kaedah pengajaran BA anjuran UiTM.

Soal selidik pensyarah ini juga berjaya mendedahkan beberapa kelemahan lain dalam sistem pengajaran seperti, kekurangan bahan bantu mengajar, peruntukkan masa yang sangat terhad dan juga bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam satu kelas. Dari segi jantina pula, jumlah pensyarah wanita sangat berkurangan dan tidak seimbang dengan jumlah pelajar wanita. Ini juga sedikit sebanyak memberi kesan nagatif di dalam proses komunikasi.

4.2 **Hasil Soal Selidik Pelajar**

Data-data yang telah dikumpul dari soal selidik pelajar juga mengandungi beberapa jenis maklumat seperti maklumat peribadi seperti jantina dan latar belakang pengajian, maklumat pembelajaran bahasa Arab secara umum dan juga maklumat pembelajaran khusus mengenai kosa kata.

4.2.1 Maklumat Peribadi

Jadual 23

Jantina

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Lelaki	26	26 %
2	Perempuan	74	74 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual di atas menunjukkan perbezaan peratusan jantina pelajar yang sangat ketara.

Bilangan pelajar perempuan ialah 74 orang iaitu 74 peratus dari 100 responden yang dipilih, manakala pelajar lelaki hanya seramai 26 orang iaitu 26 peratus sahaja. Ada sesetengah kelas hanya terdapat 3 orang pelajar lelaki manakala selebihnya adalah pelajar perempuan malah ada kelas yang semua pelajarnya adalah perempuan.

Ketidakseimbangan ini boleh menjaskan juga proses komunikasi kerana pelajar lelaki yang menjadi golongan minoriti di dalam kelas akan merasa segan untuk bertutur samada sesama mereka ataupun dengan pelajar perempuan. Ini akan menimbulkan rasa rendah diri di kalangan mereka. Pensyarah juga akan berasa sukar untuk mengajar bahasa Arab secara komunikasi jika tidak seorang pun pelajar lelaki di dalam kelas. Ini adalah kerana bahasa Arab mementingkan gender iaitu '*Mudhakkir*' dan '*Muannath*'. Pelajar perempuan juga biasanya lebih rajin dan berdisiplin serta aktif di dalam kelas berbanding pelajar lelaki.

Jadual 24**Asas Bahasa Arab**

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Tidak pernah	36	36 %
2	Pernah	64	64 %
	Jumlah	100	100 %

Mengenai asas BA pula, jadual di atas menunjukkan bilangan pelajar yang sudah mempunyai asas BA melebihi pelajar yang belum pernah belajar BA. Pelajar yang sudah mempunyai asas ialah seramai 64 orang iaitu 64 peratus berbanding pelajar yang tidak mempunyai asas hanya seramai 36 orang iaitu 36 peratus.

Penulis berpendapat bahawa percampuran pelajar yang sudah mempunyai asas dengan pelajar yang belum pernah belajar BA akan lebih menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang telah mempunyai asas akan merasa apa yang diajar tidak menarik kerana mereka pernah mempelajarinya semasa di peringkat sekolah walaupun dalam kaedah yang berbeza dan pada hakikatnya mereka belum benar-benar menguasai apa yang diajar. Buktinya apabila disoal, ternyata mereka tidak dapat menjawabnya dengan baik. Manakala pelajar yang tidak mempunyai asas pula akan merasa segan dan rendah diri. Ini akan menimbulkan suasana yang tidak stabil di kalangan pelajar di dalam satu kelas. Sekiranya masalah ini tidak diberi perhatian sewajarnya, akan timbul masalah ketidakselarasan dalam proses pengajaran dan akibatnya ramai pelajar yang akan tercicir kebelakang.

4.2.2 Maklumat Pembelajaran

Jadual 25

Keputusan Peperiksaan BA Semester Lepas

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	45	45 %
2	Baik	51	51 %
3	Lulus	4	4 %
4	Gagal	0	0 %
	Jumlah	100	100 %

Mengikut rajah di atas, peratus keputusan peperiksaan BA pada semester lepas berada di tahap yang sangat baik di mana bilangan pelajar yang mendapat keputusan amat baik ialah 45 orang iaitu 45 peratus, pelajar yang mendapat keputusan baik ialah 51 orang iaitu 51 peratus, manakala yang lulus pula seramai 4 orang, dan tiada pelajar yang gagal. Sebenarnya keputusan ini berkait rapat dengan bilangan pelajar yang sudah mempunyai asas BA. Jika kita perhatikan perbandingan bilangan pelajar-pelajar yang telah mempunyai asas BA dengan bilangan pelajar yang mendapat keputusan amat baik dan baik tidak jauh berbeza.

Walau bagaimanapun, keputusan peperiksaan yang baik masih tidak membuktikan seratus peratus bahawa pelajar itu telah menguasai BA dengan baik kerana jika diukur dari sudut pertuturan dan menulis karangan, kebanyakan pelajar masih di tahap yang sangat lemah. Keputusan yang baik ini telah dibantu dengan markah-markah tambahan seperti aktiviti, kehadiran ke kelas dan tugas-tugasan.

Jadual 26

Pendapat Tentang Bahasa Arab

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Mudah	17	17 %
2	Sederhana	64	64 %
3	Susah	19	19 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual di atas pula menunjukkan pengakuan secara jujur oleh pelajar-pelajar tentang anggapan mereka terhadap bahasa Arab yang sedang dipelajari. Bilangan pelajar yang menganggap ianya mudah ialah seramai 17 orang iaitu 17 peratus, pelajar yang menganggap BA sederhana ialah 64 orang iaitu 64 peratus dan yang menggap ianya susah seramai 19 orang iaitu 19 peratus.

Anggapan pelajar ini sedikit sebanyak berpunca dari beberapa faktor, antaranya ialah cara pembelajaran yang tidak berkesan, tiada dorongan dari kawan atau keluarga, kurang motivasi serta kaedah dan metod pengajaran yang kurang berkesan. Cara dan penampilan pengajar semasa proses pengajaran juga banyak memberi pengaruh kepada pelajar samada bertambah minat atau makin kurang. Gagal untuk mewujudkan suasana menarik dalam komunikasi semasa di dalam kelas akan membuatkan keadaan menjadi dingin dan membosankan. Keadaan ini akan membuat pelajar hilang tumpuan dan hanya menunggu masa untuk keluar, sebaliknya sekiranya pengajar bijak mengawal keadaan supaya ianya sentiasa ceria dan menyeronokkan, pelajar akan rasa seronok dan minat pun bertambah. Apabila pelajar sudah berminat dengan bahasa yang dipelajari, dengan sendiri rasa susah itu akan berkurangan.

Jadual 27

Masalah Yang Dihadapi Ketika Bertutur

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kosa kata	63	63 %
2	Sebutan	5	5 %
3	Tatabahasa	32	32 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa masalah penguasaan kosa kata pada hakikatnya memang ujud di dalam pembelajaran bahasa Arab di UiTM. Bilangan pelajar yang menganggap penguasaan kosa kata merupakan masalah utama bila bertutur ialah seramai 63 orang iaitu 63 peratus, yang menganggap sebutan sebagai masalah utama seramai 5 orang iaitu 5 peratus, manakala masalah tatabahasa pula ialah 32 orang iaitu 32 peratus.

Rajah di atas juga menunjukkan masalah penguasaan kosa kata mengatasi masalah-masalah lain seperti masalah sebutan dan masalah sintaksis. Kelemahan penguasaan kosa kata ini termasuklah tidak dapat mengingati kosa kata, tidak dapat mengolah kosa kata mengikut ayat dan kelemahan dari sudut makna kosa kata itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa aspek kosa kata merupakan aspek terpenting dan sepatutnya di beri penekanan yang sewajarnya di dalam pengajaran dan pembelajaran BA. Selagi masalah ini tidak dapat di atasi, kelemahan untuk berkomunikasi akan berterusan walaupun dari segi keputusan peperiksaan, pencapaian mereka agak baik.

4.2.3 Maklumat Pembelajaran Kosa kata

Jadual 28

Jenis Kosa kata Yang Paling Susah Dikuasai

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Kata Nama	64	64 %
2	Kata Kerja	30	30 %
3	Partikel	6	6 %
	Jumlah	100	100 %

Pelajar yang mengatakan kata nama merupakan jenis kosa kata yang paling sukar dikuasai ialah seramai 64 orang iaitu 64 peratus, mengatasi bilangan pelajar yang menganggap kata kerja sebagai masalah utama iaitu 30 peratus, manakala 6 peratus lagi ialah pelajar yang mengatakan jenis kosa kata yang paling susah dikuasai ialah partikel.

Kata nama dan pecahannya merupakan jenis kosa kata yang paling asas dan paling awal diperkenalkan. Ianya termasuklah ganti nama dan kata sifat. Kegagalan pelajar dalam memguasai kata nama bermakna kelemahan di peringkat paling asas. Masalah ini sepatutnya diberi perhatian secara serius oleh pihak pengajar. Suatu pendekatan yang berkesan amat diperlukan bagi mengatasi masalah penguasaan kata nama dan pecahannya. Pelajar perlu dilatih untuk menyebut serta mengingati kata nama dengan pelbagai cara yang berkesan seperti menggunakan alat bantu mengajar yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Kegagalan menyediakan alat Bantu mengajar seperti gambar, foto, objek, vedeo dan sebagainya menyebabkan usaha untuk memudahkan proses pengajaran akan menemui jalan buntu.

Jadual 29

Cara Memahami dan Menghafaz Kosa kata

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Mengingati perkataan itu kedalam BM dahulu	81	81 %
2	Terus memahami dan mengingatinya dalam BA	17	17 %
3	Lain-lain	2	2 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini ialah mengenai cara untuk mengingati dan memahami kosa kata bahasa Arab. 81 peratus pelajar mengamalkan cara terjemahan iaitu menterjemahkan dahulu kedalam bahasa ibunda sebelum menghafaz sesuatu kosa kata dan hanya 17 peratus sahaja yang dapat menggunakan kaedah komunikasi iaitu terus memahami dan mengingati dalam bahasa Arab, manakala 2 peratus lagi menggunakan kaedah yang lain. Kaedah lain yang dimaksudkan ini termasuklah menggunakan kedua-dua cara di atas sekali gus dan ada juga yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan.

Cara menghafaz dan memahami dalam proses pembelajaran bahasa Arab ini sangat penting. Sekiranya pelajar masih terikat dengan cara lama yang diamalkan dalam kaedah terjemahan, maka mereka masih gagal untuk menghayati pendekatan kemunikasi dengan baik. Masalah ini amat ketara semasa sesi perbualan samada sesama pelajar mahupun dengan pensyarah. Setiap ucapan atau soalan yang didengar, pelajar tersebut akan mengambil masa yang agak lama untuk menjawabnya kerana setiap kalimah yang didengar akan di terjemahkan dulu kedalam bahasa ibunda sebelum menjawabnya. Begitu juga perkataan-perkataan yang hendak diujar sebagai respon juga akan disusun sebagaimana bahasa ibunda dari segi struktur ayatnya.

Jadual 30

Sumber Bahasa Arab di Kuliah

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Banyak	6	6 %
2	Sedikit	75	75 %
3	Tiada	19	19 %
	Jumlah	100	100 %

Di dalam jadual ini, seramai 75 orang pelajar yang mengatakan sumber-sumber bahasa Arab sebagai alat Bantu mengajar di dalam kelas adalah sedikit. Seramai 6 peratus mengatakan banyak terdapat sumber bahasa Arab dan 19 peratus lagi mengatakan tiada sumber. Perbezaan kenyataan ini disebabkan mereka dari kelas dan kampus yang berbeza. Ini juga menunjukkan ketidakseragaman dalam menggunakan alat bantu mengajar di kalangan pengajar. Pengajar yang aktif dan rajin menggunakan alat bantu mengajar mempunyai inisiatif sendiri untuk membawa apa sahaja yang difikirkan perlu sebagai ABM, manakala pengajar yang kurang aktif hanya menggunakan teks yang sedia ada.

Walau bagaimanapun peratus pelajar yang mengatakan sumber bahasa sedikit adalah paling tinggi iaitu 75 peratus. Ini menunjukkan suasana persekitaran yang sesuai dengan pengajaran bahasa Arab di dalam kelas masih gagal diwujudkan. Masalah kekurangan penggunaan ABM ini berkait rapat dengan masalah peruntukan masa yang sangat terhad. Pensyarah terpaksa memberi tumpuan yang lebih kepada silibus yang banyak yang perlu dihabiskan dalam masa yang sangat terhad. Ini menyebabkan masa untuk sesi perbualan dan menggunakan ABM adalah tidak mencukupi.

Jadual 31
Penggunaan Kaset dan Video

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Banyak	1	1 %
2	Sedikit	19	19 %
3	Tiada	80	80 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual di atas ini juga menunjukkan ketidakseragaman dalam proses pengajaran dalam menggunakan alat bantu mengajar. 80 peratus pelajar yang mengatakan tidak berpeluang menggunakan sumber tambahan seperti kaset dan video bahasa Arab di dalam kelas, 19 peratus mengatakan sedikit dan hanya 1 peratus yang mengatakan banyak. Ini menunjukkan bilangan pelajar yang tidak didedahkan kepada ABM yang sepatutnya digunakan paling ramai.

Masalah ini juga merupakan di antara faktor kepada kelemahan penguasaan kosa kata di kalangan pelajar. Penggunaan kaset atau video di dalam sesi pengajaran samada di dalam kelas atau di makmal bahasa adalah penting dan berkesan. Ia dapat membantu pelajar untuk menguasai kemahiran mendengar dan menyebut dengan lebih tepat. Kaedah ini juga akan memberi keseronokkan kepada pelajar kerana mereka rasa lebih terdedah kepada budaya Arab yang sebenar melalui filem atau drama Arab yang ditonton di samping dapat mendengar sebutan dari lidah penutur asal. Jika perhatikan metod pengajaran bahasa asing yang lain seperti Mandarin, penggunaan kaset yang berbentuk lagu banyak membantu pelajar menguasai kosa kata di samping filem-filem yang boleh menarik perhatian mereka, sebaliknya dalam BA, unsur-unsur yang sangat menarik ini jarang diperkenalkan kepada pelajar.

Jadual 32**Penglibatan Dalam Aktiviti BA**

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Banyak	5	5 %
2	Sedikit	23	23 %
3	Tiada	72	72 %
	Jumlah	100	100 %

Dari segi penglibatan di dalam aktiviti-aktiviti BA, jadual di atas menunjukkan peratus bilangan pelajar yang melibatkan diri hanya 5 peratus, ini masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang tidak pernah terlibat iaitu 72 peratus, manakala 23 peratus lagi terlibat dalam aktiviti tetapi sedikit. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah lakonan, nasyid, kuiz, syarahan dan sebagainya.

Penglibatan diri di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bahasa Arab, amat berguna kepada pelajar untuk menambahkan rasa minat terhadap bahasa Arab. Ia juga akan membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan lebih cepat dan berkesan. Masalah kurangnya penyertaan pelajar di dalam aktiviti BA berpunca dari beberapa faktor seperti, kurangnya aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, masa yang amat terhad bagi pelajar kerana terlalu padat dengan tugas-tugas dan aktiviti yang berkaitan dengan subjek-subjek yang lain atau sikap pelajar itu sendiri yang kurang berminat dengan aktiviti BA yang dianggap tidak menarik.

Biasanya aktiviti-aktiviti seperti ini hanya giat dijalankan di kampus Shah Alam sahaja seperti minggu bahasa yang menganjurkan berbagai aktiviti yang menarik seperti

pementasan yang berupa nyanyian, lakonan dan sebagainya tetapi di kampus-kampus cawangan sambutannya amat dingin.

Jadual 33

Jenis-jenis Aktiviti Yang Disertai

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Lakonan	7	7 %
2	Nyanyian/Nasyid	8	16 %
3	Kuiz	12	18 %
4	Syarahan	1	1 %
5	Tiada	72	58 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini pula menunjukkan bahawa di antara jenis aktiviti yang paling mendapat tempat ialah kuiz yang disertai oleh 12 peratus pelajar, pelajar yang memilih nyanyian atau nasyid ialah 8 peratus, syarahan hanya 1 peratus manakala 72 peratus lagi terkecuali dari menyertai mana-mana aktiviti.

Di UiTM, kebiasaan akan diadakan pada setiap semester, minggu bahasa dimana setiap bahasa akan mengambil bahagian samada di dalam pementasan yang berupa nyanyian atau nasyid, lakonan dan syarahan ataupun berbentuk pameran atau expo bahasa. Idea-idea untuk merangka bentuk penyertaan ini biasanya akan dibincang bersama oleh ahli-ahli kelab bahasa masing-masing dengan bantuan dan nasihat oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar bahasa itu sendiri. Walau bagaimanapun, penyertaan pelajar di dalam aktiviti-aktiviti seperti ini masih di tahap yang masih lemah dan tidak begitu mendapat sambutan.

Jadual 34

Perbezaan Kosa kata BM dan BA

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Banyak	61	61 %
2	Sedikit	38	38 %
3	Tiada	1	1 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual di atas ini menunjukkan 61 peratus pelajar yang mengatakan perbezaan kosa kata BA dengan BM adalah banyak, 38 peratus mengatakan tidak banyak dan hanya 1 peratus yang mengatakan tiada perbezaan. Perbezaan yang dimaksudkan merangkumi dari segi sebutan, intonasi, tulisan, struktur dan makna.

Memang tidak dinafikan wujudnya jurang perbezaan yang nyata di antara kedua-dua bahasa. Untuk menguasai bahasa Arab, pelajar perlu menyedari hakikat perbezaan ini dan berusaha menghayati ciri-ciri bahasa Arab yang tidak terdapat di dalam bahasa ibunda. Ianya termasuklah sebutan BA yang memerlukan kefasihan lidah, peka kepada intonasi, panjang pendek sesuatu suku kata serta bentuk tulisan yang agak rumit bagi pelajar yang belum dapat menguasai tulisan Jawi, struktur kalimah dan ayat yang sentiasa berubah dan makna yang unik. Bahasa Arab juga mempunyai unsur gender iaitu “mudhakkar” dan “mu’annath ” yang tidak terdapat di dalam BM.

Jadual 35

Kemampuan Untuk Mengingati Kosa kata BA

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Sangat bermasalah	9	9 %
2	Bermasalah	68	68 %
3	Tidak Bermasalah	23	23 %
	Jumlah	100	100 %

Jika kita perhatikan kepada jadual ini, ternyata penguasaan mengingati kosa kata BA di kalangan pelajar masih di tahap yang lemah. Seramai 68 orang pelajar iaitu 68 peratus yang bermasalah dalam mengingati kosa kata BA, 9 peratus yang sangat bermasalah, manakala hanya 23 peratus sahaja yang tidak bermasalah. Ini juga merupakan salah satu faktor yang menjadi punca utama penguasaan yang sangat lemah di kalangan pelajar dalam bahasa Arab.

Selain dari menghafaz, pelajar juga perlu membiasakan diri menggunakan kosa kata BA dalam kehidupan seharian terutama apabila bersama kawan-kawan yang sama-sama belajar BA. Pelajar yang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, tidak seharusnya malu atau rasa janggal untuk sentiasa cuba menggunakan bahasa yang dipelajari samada dalam pertuturan mahupun penulisan. Latihan membaca buku-buku cerita atau bahan bacaan yang agak senang, ringkas dan menarik juga boleh menambahkan perbendaharaan kata.

Selain dari faktor dalaman, kelemahan mengingati kosa kata di kalangan pelajar juga berpunca dari faktor luaran seperti persekitaran, kurang ABM dan sebagainya. Untuk

menguasai masalah ini, situasi buatan perlu diwujudkan untuk membantu pelajar mengingati objek-objek di sekeliling mereka dalam BA.

Jadual 36

Pengetahuan Tentang “*Isim*” (اسم)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Tahu	59	59 %
2	Tidak tahu	41	41 %
	Jumlah	100	100 %

Perkataan “*Isim*” yang bermakna “ Kata Nama” merupakan kosa kata yang paling asas dalam setiap bahasa. Kajian ini sengaja memilih perkataan ini untuk menguji sejauh mana penguasaan jenis-jenis kosa kata BA di kalangan pelajar peringkat pertengahan yang telah melalui peringkat asas. Pengakuan jujur pelajar telah membuktikan bahawa masih terdapat sebanyak 41 peratus daripada mereka yang masih tidak apakah isim dan hanya 59 peratus sahaja yang tahu makna perkataan yang paling asas ini.

Kelemahan ini tidak boleh dipandang ringan dan perlu disedari oleh tenaga pengajar yang terlibat. Selain dapat mengenal kosa kata isim dengan, pelajar juga mesti dapat menguasai cara mengolah kata nama itu serta pecahan-pecahannya dengan baik. Kata nama bahasa Arab mempunyai unsur gender iaitu “mudhakkar”(maskulin) dan “muannath” (feminin). Unsur yang tidak terdapat dalam kebanyakan bahasa-bahasa lain ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan BA dianggap sukar.

Walau bagaimanapun, kesukaran ini boleh di atasi dengan kaedah pengajaran yang betul dan berkesan di samping kesungguhan pelajar bersertakan minat yang mendalam.

Jadual 37

Jenis-jenis Kata Nama Asas (Anggota badan)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat Baik	31	31 %
2	Sederhana	60	60 %
3	Lemah	9	9 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini menunjukkan penguasaan yang agak baik di kalangan pelajar mengenai salah satu jenis kosa kata asas iaitu anggota badan. Pelajar yang dapat menguasainya dengan amat baik seramai 31 orang iaitu 31 peratus, sederhana 60 peratus dan yang masih lemah seramai 9 orang iaitu 9 peratus. Kata nama asas ini telah diperkenalkan di peringkat asas dalam silibus bahasa Arab komunikasi di UiTM.

Salah satu masalah yang sangat ketara di dalam proses pembelajaran BA di UiTM ialah masalah lupa di kalangan pelajar pada kosa kata yang telah dipelajari diingatinya. Sepatutnya nama-nama anggota badan yang dimiliki setiap pelajar itu sendiri tidak seharusnya dilupakan. Ini berpunca dari tiada penggunaan di dalam pertuturan. Kosa kata hanya di hafaz untuk melepassi peringkat ujian atau peperiksaan sahaja dan selepas itu satu demi satu dilupakan. Pelajar menganggap tiada kepentingan lagi untuk terus menggunakan bahasa yang dianggap asing ini di dalam kehidupan seharian.

Sikap dan anggapan ini perlu dikikis dan diberi kesedaran tentang kepentingan sesuatu ilmu khususnya ilmu bahasa dalam kehidupan di masa depan. Amatlah rugi apabila kita melepaskan ilmu yang telah kita miliki.

Jadual 38

Alat-alat Tulis

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	20	20 %
2	Sederhana	66	66 %
3	Lemah	14	14 %
	Jumlah	100	100 %

Penguasaan tentang alat-alat tulis juga menunjukkan kelemahan yang masih ketara di kalangan pelajar. Hanya 20 peratus yang dapat menguasainya dengan amat baik, 66 peratus yang sederhana manakala 14 peratus masih di peringkat lemah. Sebagai pelajar, alat-alat tulis merupakan kelengkapan utama yang paling hampir dan digunakan setiap masa. Sepatutnya setiap pelajar bahasa Arab dapat mengingati nama alat-alat tulis dengan baik.

Di dalam proses pembelajaran, pelajar tidak seharusnya terlalu bergantung kepada pensyarah untuk membantu mereka mengingati kosa kata bahasa yang dipelajari. Usaha ini semestinya dilakukan dengan kehendak diri sendiri. Sikap banyak bertanya amat perlu bagi setiap pelajar demi memantapkan diri dalam arus yang serba pantas ini. Pelajar yang masih malu atau rendah diri akan ketinggalan jauh di belakang. Sikap terlalu mengagungkan bahasa Inggeris di dalam penggunaan harian juga boleh melemahkan keupayaan pelajar untuk menguasai bahasa ketiga. Mereka seharusnya sedar apabila mereka sedang berada dalam kelas bahasa Arab, apa sahaja yang ada di persekitaran seperti alat-alat tulis dan objek-objek yang lain seperti meja, kerusi, papan hitam, kipas dan sebagainya sepatutnya sentiasa melekat di minda mereka tentang nama-nama benda itu dalam BA.

Jadual 39

Warna

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	20	20 %
2	Sederhana	63	63 %
3	Lemah	17	17 %
	Jumlah	100	100 %

Salah satu kosa kata yang paling asas di dalam kehidupan seharian ialah warna. Di peringkat asas, pelajar telah di perkenalkan kepada warna-warna asas seperti (أَيْضُّ)

putih, (أَسْوَدُ) hitam, (أحْمَرُ) merah, (أَزْرَقُ) biru, (أَخْضَرُ) hijau dan (أَصْفَرُ) kuning.

Jadual ini menunjukkan penguasaan pelajar tentang warna masih di tahap yang tidak memuaskan. Pelajar yang amat baik dalam penguasaan warna hanya 20 peratus, yang sederhana 63 peratus manakala 17 peratus lagi masih di peringkat lemah.

Ini jelas menunjukkan tahap inisiatif pelajar untuk berusaha mengingati kosa kata bahasa Arab amat lemah walaupun kosa kata yang paling asas. Di dalam proses pembelajaran bahasa, warna merupakan di antara perkara yang paling menarik untuk dipelajari dan diingati. Pembelajaran bahasa di peringkat kanak-kanak pun kita dapat lihat betapa seronoknya kanak-kanak mempelajari warna-warna ditambahkan lagi dengan menggunakan objek-objek dan lukisan yang agak menarik perhatian mereka.

Jadual 40

Pekakas Dapur

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	3	3 %
2	Sederhana	54	54 %
3	Lemah	43	43 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini menunjukkan penguasaan pelajar dalam mengingati salah satu jenis kosa kata asas iaitu pekakas dapur. 3 peratus daripada pelajar yang dapat mengingati dengan amat baik, 54 peratus sederhana manakala yang masih lemah ialah 43 peratus. Ini menunjukkan hampir separuh dari responden yang dipilih masih tidak dapat mengingati kosa kata yang hampir setiap hari mereka melihatnya di rumah mereka sendiri.

Walaupun jika dikira dari segi jantina, pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki iaitu hampir 70 peratus dari responden yang dipilih adalah perempuan, tapi perkara-perkara yang sangat biasa di dalam kehidupan mereka ini tidak dapat diingati dengan baik. Ini menunjukkan satu kelemahan yang tidak sepatutnya terjadi. Selagi masalah mengingati kosa kata masih menjadi beban kepada pelajar, penguasaan bahasa khususnya komunikasi tidak akan akan terlaksana walaupun mereka dapat menguasai aspek-aspek lain seperti sintaksis, morfologi dan sebagainya.

Kosa kata jenis pekakas dapur ini telah diperkenalkan di peringkat asas masih ada kesinambungan di peringkat pertengahan. Namun begitu untuk mengingatinya masih menjadi masalah kepada pelajar walaupun dari aspek keputusan peperiksaan agak memuaskan. Kepincangan ini harus di beri perhatian sewajarnya.

Jadual 41

Jenis Kenderaan

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	16	16 %
2	Sederhana	67	67 %
3	Lemah	17	17 %
	Jumlah	100	100 %

Kenderaan merupakan sesuatu yang sangat hampir dengan kehidupan manusia termasuklah pelajar. Sebagai pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa kedua atau ketiga, sudah sepatutnya kemampuan menguasai nama jenis-jenis kenderaan berada di tahap yang sangat baik secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, jadual di atas menunjukkan hanya 16 peratus pelajar yang dapat menguasai atau mengingati nama jenis-jenis kenderaan dengan baik, 67 peratus sederhana dan 17 peratus lagi masih di tahap yang lemah.

Di antara jenis-jenis kenderaan yang telah diperkenalkan kepada pelajar melalui buku-buku teks di peringkat asas ialah: (سيارة) kereta, (حافلة) bas, (الدراجة التاريه) motosikal, (دراجة) basikal, (قطار) keretapi, (طائرة) kapal terbang dan lain-lain. Di samping nama kenderaan darat dan udara, pelajar juga diperkenalkan dengan nama jenis-jenis kenderaan laut seperti: (مركب) kenderaan, (سفينة) kapal dan lain-lain. Jika hendak dikira dari aspek persekitaran dalam kehidupan seharian, nama-nama kenderaan ini sangat hampir. Setiap hari kita akan melihat dan menggunakan alat-alat yang amat penting ini tapi disebabkan sikap tidak ambil berat, maka kebanyakan pelajar cepat lupa apa yang telah mereka pelajari.

Jadual 42

Perabut Rumah

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	2	2 %
2	Sederhana	54	54 %
3	Lemah	44	44 %
	Jumlah	100	100 %

Mengenai nama jenis-jenis perabut atau pekakas rumah pula, jadual ini menunjukkan kelemahan yang masih ketara. Di dalam 100 responden yang dipilih, hanya 2 peratus yang dapat menguasai nama jenis perabut rumah dengan baik, 54 peratus hanya di peringkat sederhana, manakala 44 peratus lagi mengaku yang mereka di peringkat yang lemah. Semasa di peringkat asas, pelajar telah di perkenalkan kepada nama jenis-jenis perabut rumah seperti: (كرسي) kerusi, (طاولة) meja, (مكتب) meja tulis, (سرير) katil, (مروحة) kipas dan sebagai nya.

Kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar tidak menganggap bahawa mengingati nama benda-benda yang ada di persekitaran mereka itu adalah sangat penting. Kesedaran tentang penguasaan kosa kata terutama mengingati nama-nama objek persekitaran mesti dipupuk dengan kuat. Mereka sepatutnya sedar, sebelum mempelajari tatabahasa di dalam sesuatu bahasa, pengisian tentang kosa kata-kosa kata yang paling hampir seperti nama-nama benda yang selalu di lihat adalah paling penting.

Jadual 43

Jenis Sukan

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat baik	16	16 %
2	Sederhana	71	71 %
3	Lemah	13	13 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini masih lagi mengenai tentang penguasaan kata nama yang sepatutnya dikuasai oleh pelajar yang telah melepassi peringkat asas iaitu jenis-jenis sukan serta peralatannya. Pelajar yang dapat mengingatinya dengan baik ialah seramai 16 orang iaitu 16 peratus, 71 peratus dapat mengingati di tahap yang sederhana dan 13 peratus lagi masih di tahap yang lemah.

Diantara jenis-jenis suka yang telah diperkenalkan di peringkat awal ialah: (كُرْةُ الْقَدْمَ)

bosa sepak, (شُدُّ الْجَبْلِ) pingpong, (كُرْةُ الرَّيْشِ) badminton, (كُرْةُ الطَّوْلَةِ) tarik tali,

(كُرْةُ السُّلَةِ) dan lain-lain. Di dalam buku teks semasa di peringkat asas, jenis-jenis sukan ini diperkenalkan melalui gambar-gambar supaya ia lebih senang dan menarik. Walau bagaimanapun, motivasi yang masih lemah di kalangan pelajar membuatkan mereka tidak berusaha untuk mengekalkan ingatan mereka terhadap kosa kata-kosa kata yang telah dipelajari. Mempelajari bahasa kedua atau ketiga hanya untuk melepassi ujian atau peperiksaan tidak sama dengan niat ikhlas untuk menjadikan ia sebagai salah satu ilmu. Manusia akan sentiasa mengingati apa yang mereka anggap penting dalam kehidupan.

Jadual 44

Jenis Kata Nama (Mufrad)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	20	20 %
2	Sederhana	56	56 %
3	Lemah	24	24 %
	Jumlah	100	100 %

Di dalam jadual ini, pelajar telah membuat pengakuan secara jujur tentang penguasaan salah satu pecahan kosa kata kata nama jenis “ mufrad” (tunggal). Jenis kosa kata ini merupakan jenis kata nama yang paling awal diperkenalkan di peringkat asas pembelajaran. 20 peratus daripada responden yang dipilih dapat menguasainya dengan baik, 56 peratus sederhana manakala 24 peratus masih di tahap yang lemah.

Bahasa Arab mempunyai kosa kata kata nama yang terbahagi kepada 3 pecahan asas dari segi bilangan iaitu: “mufrad” tunggal, “ muthanna” dua dan “jama” untuk tiga atau lebih. (pecahan kata nama ini telah dibincangkan dalam bab 3). Pelajar mesti menguasai jenis-jenis kata nama ini dengan mengingati dan memahami konsepnya dengan baik.

Unsur bilangan di dalam kosa kata merupakan suatu yang baru bagi pelajar yang tidak mempunyai asas di dalam bahasa Arab kerana unsur ini tidak terdapat samada di dalam bahasa. Ini memerlukan inisiatif dan kesungguhan dari pelajar untuk menguasainya dengan baik di samping teknik-teknik pengajaran yang berkesan. Pengajar juga perlu memastikan pelajar dapat menguasai formula-formula untuk mengenal pecahan kosa kata dengan baik.

Jadual 45

Jenis Kata Nama (Muthanna)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	11	11 %
2	Sederhana	61	61 %
3	Lemah	28	28 %
	Jumlah	100	100 %

Jenis kata nama yang kedua dari segi bilangan ialah kata nama “muthanna” iaitu dua. Pelajar yang dapat menguasai jenis kata nama ini dengan baik adalah lebih rendah dari segi peratusannya berbanding kata nama mufrad dimana iaitu 11 peratus sedangkan kosa kata nama mufrad 20 peratus, pelajar yang menguasai di tahap sederhana ialah 61 peratus manakala 28 peratus adalah lemah.

Unsur “dua” di dalam kosa kata ini merupakan salah satu unsur yang paling asing kepada pelajar yang baru dan tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab kerana unsur ini tidak terdapat di dalam bahasa Melayu, manakala di dalam bahasa Inggeris pula hanya terdapat dua jenis sahaja iaitu “singular” tunggal dan “plural” tiga atau lebih. Ini juga memerlukan pemerhatian dan tumpuan yang lebih daripada pelajar. Walau bagaimana pun, di dalam pendekatan komunikasi yang digunakan di UiTM, unsur “dua” ini hanya di perkenalkan di peringkat asas tetapi tidak ditekankan dengan cara “latih tubi” kepada pelajar untuk tidak membebankan pelajar kerana unsur ini dikira masih baru dan asing. Penggunaan unsur ini secara meluas akan diajar di peringkat pertengahan dan peringkat seterusnya. Namun begitu, pelajar telah di ajar cara-cara mengenali dan membezakan jenis kata nama ini dengan baik dan jelas.

Jadual 46

Jenis Kata Nama (Jama‘)

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	6	6 %
2	Sederhana	64	64 %
3	Lemah	30	30 %
	Jumlah	100	100 %

Jenis kosa kata kata nama yang ketiga dari segi bilangan ialah “jama‘” tiga atau lebih.

Kata nama jama‘ ini terbahagi kepada:

1. Jama‘ mudhakk al-salim.
2. Jama‘ muannath al-salim
3. Jama‘ al-taksir. (telah dibincangkan dalam bab tiga).

Di antara ketiga-tiga jenis jama‘ ini, jama‘ al-taksir merupakan jenis kosa kata yang tidak mempunyai kaedah atau formula yang tetap untuk dikenali dimana satu-satunya cara untuk memastikan jenis kata nama jama‘ ini ialah kebiasaan mendengar, membaca, menulis dan menyebutnya dengan betul kerana ia hanya mengikut kebiasaan sebutan penutur asal semata-mata, manakala jenis kata nama jama‘ yang pertama dan kedua mempunyai formula yang tetap untuk dikenali.

Jadual di atas menunjukkan penguasaan pelajar yang masih di tahap yang kurang memuaskan di mana, hanya 6 peratus sahaja pelajar yang mampu menguasainya dengan baik, 64 peratus pelajar di tahap sederhana manakala 30 pelajar di tahap yang lemah.

Jadual 47

Prestasi Dalam Kemahiran Mendengar

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	15	15 %
2	Sederhana	70	70 %
3	Lemah	15	15 %
	Jumlah	100	100 %

Pendekatan komunikasi mengutamakan 4 kemahiran asas di dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu:

1. Kemahiran mendengar
2. Kemahiran menyebut atau bertutur
3. Kemahiran membaca
4. Kemahiran menulis.

Kemahiran mendengar merupakan peringkat pertama di dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Di peringkat ini, pelajar akan dilatih mendengar sebutan kalimah-kalimah Arab dengan tepat dan betul samada secara lisan oleh pensyarah maupun melalui kaset di makmal bahasa. Pelajar dikehendaki membezakan huruf-huruf yang didengar serta memastikan tempat keluar (makhraj) setiap huruf-huruf tersebut dengan tepat. Kaedah ini akan dilakukan secara berulang-ulang oleh pengajar sebelum diikuti oleh pelajar.

Jadual di atas menunjukkan bahawa penguasaan pelajar di dalam kemahiran mendengar masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Pelajar yang dapat menguasai kemahiran mendengar dengan baik hanya 15 peratus, 70 peratus pelajar di tahap sederhana manakala 15 peratus lagi di tahap lemah.

Jadual 48

Prestasi Dalam Kemahiran Menyebut

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	23	23 %
2	Sederhana	65	65 %
3	Lemah	12	12 %
	Jumlah	100	100 %

Kemahiran kedua yang perlu dikuasai pelajar di dalam proses pembelajaran BA komunikasi ialah kemahiran menyebut. Apabila pelajar telah didedahkan dengan sebutan kosa kata-kosa kata BA secara lisan oleh pengajar mahupun kaset-kaset di makmal bahasa, pelajar akan di latih untuk menyebutnya mengikut lafaz huruf-huruf serta intonasi yang tepat juga secara berulang-ulang sehingga pensyarah mengesahkan ianya betul. Jadual di atas menunjukkan penguasaan di dalam kemahiran menyebut yang masih di tahap yang belum memuaskan di kalangan pelajar.

Pelajar yang telah melepassi peringkat asas sepatutnya sudah mampu untuk menguasai kemahiran ini dengan baik. Pelajar yang lemah dalam kemahiran mendengar dengan sendirinya akan lemah dalam kemahiran menyebut kerana pada kebiasaannya mereka akan menyebut seperti mana yang didengar samada dalam aspek huruf mahupun intonasi. Kemahiran menyebut memerlukan latihan secukupnya serta minat yang mendalam kerana bahasa Arab mempunyai abjad-abjad yang unik dan sangat halus dari segi sebutannya. Pengajar juga mesti memastikan setiap sebutan pelajar tepat dengan cara pengulangan atau latih tubi. Ini adalah kerana kita tidak boleh ambil ringan terhadap aspek ini kerana kesilapan sebutan atau intonasi walaupun hanya melibatkan satu huruf atau fonem akan melibatkan perubahan semantik.

Jadual 49

Prestasi Dalam Kemahiran Membaca

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	31	31 %
2	Sederhana	62	62 %
3	Lemah	7	7 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini pula menunjukkan peratus pelajar di dalam prestasi dalam kemahiran membaca yang merupakan kemahiran yang ke3. 31 peratus pelajar berada di tahap yang baik, 62 peratus di tahap sederhana manakala 7 peratus pelajar di tahap yang masih lemah. Jika diperhatikan peratusan di dalam jadual ini, prestasi kemahiran membaca di kalangan pelajar adalah lebih baik berbanding kemahiran mendengar dan menyebut. Ini adalah kerana buku-buku teks yang digunakan di UiTM disemua peringkat, mempunyai baris atau tanda bacaan yang dapat membantu pelajar membaca dengan lebih mudah dan betul.

Walau bagaimanapun, pelajar tetap diajar dan dilatih untuk membaca tanpa bantuan baris atau tanda bacaan. Pelajar perlu menguasai sintaksis dan morfologi dengan baik untuk memastikan sebutan serta intonasi yang betul semasa membaca BA. Selain dari itu, pelajar juga mesti dapat membezakan jenis-jenis kosa kata samada ianya kata nama, kata kerja atau pun partikel serta pecahan-pecahannya. Satu-satunya cara untuk menguasai kemahiran membaca ialah dengan membiasakan diri membaca bahan-bahan bertulis BA terutama al-Quran kerana seorang yang dapat membaca al-Quran dengan fasih dan lancar tidak akan menghadapi masalah yang besar untuk membaca tulisan Arab yang lain.

Jadual 50

Prestasi Dalam Kemahiran Menulis

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	28	28 %
2	Sederhana	53	53 %
3	Lemah	19	19 %
	Jumlah	100	100 %

Kemahiran yang ke 4 di dalam proses pembelajaran BA komunikasi ialah menulis.

Jadual ini menunjukkan 28 peratus pelajar berada di tahap yang baik, 53 peratus di tahap sederhana dan 19 pelajar masih di tahap yang lemah. Kemahiran menulis mempunyai kaitan yang rapat dengan kemahiran mendengar dan membaca. Pelajar yang dapat menguasai kemahiran mendengar dengan baik tidak akan menghadapi masalah yang besar ketika menulis. Ini adalah kerana mereka telah dapat memastikan huruf konsonan dan huruf vokal dalam struktur sesuatu kalimah. Penguasaan membaca dengan baik juga akan dapat membantu pelajar di dalam kemahiran menulis.

Bagi pelajar yang sudah terdedah serta biasa menulis dengan huruf-huruf jawi yang merupakan salah satu abjad bahasa Melayu, tidak akan menghadapi masalah di dalam penulisan BA. Ini adalah kerana abjad yang digunakan adalah sama, cuma perbezaannya dari segi struktur huruf-huruf itu sendiri kerana struktur huruf dalam kosa kata BA sentiasa mengikut intonasi iaitu panjang dan pendek pada sesuatu suku kata.

Setiap suku kata yang panjang, mesti disertai huruf vokal samada (i) alif, (u) wau atau (e). Manakala kosa kata bahasa Melayu tidak mempunyai beza dari segi intonasinya walaupun di tulis dengan menggunakan abjad yang sama.

Pelajar bahasa Arab sepatutnya membiasakan diri dengan kempat-empat kemahiran tersebut dengan memperbanyakkan latihan-latihan yang berkaitan seperti, memberi tumpuan yang serius di dalam latihan mendengar samada di kelas maupun di makmal bahasa, sebutan yang betul mengikut intonasi dan huruf yang tepat apabila bertutur, banyak membaca dan menulis. Apabila pelajar dapat menguasai kempat-empat kemahiran di atas, bermakna dia telah berupaya dan layak untuk menjadi seorang pelajar bahasa Arab yang baik.

Walau bagaimanapun selagi pelajar tidak dapat mengingati kosa kata meskipun dia telah dapat menguasai 4 kemahiran asas tadi, dia masih tidak dapat menggunakan bahasa Arab di dalam komunikasi kerana tanpa aset yang cukup, kaedah tidak memberi makna.

Jadual 51

Kemampuan Membezakan Di Antara Kata Nama, Kata Kerja dan Partikel

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	11	11 %
2	Sederhana	75	75 %
3	Lemah	14	14 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini menunjukkan kemampuan pelajar dalam membezakan di antara Kata Nama, Kata Kerja dan Partikel. 11 peratus dari responden yang dipilih dapat menguasainya dengan baik, 75 peratus berada di tahap sederhana manakala 14 peratus masih di tahap yang lemah. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang dipilih berada di tahap sederhana. Keadaan ini perlu diambil perhatian secara serius oleh pihak tenaga pengajar

BA kerana kemampuan mengenali dan membezakan di antara ketiga-tiga jenis kosa kata asas ini mesti dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar, terutama mereka yang telah melepas peringkat asas.

Di peringkat asas pengajaran dan pembelajaran BA, pelajar telah diterangkan cara-cara membezakan di antara jenis-jenis kosa kata iaitu kata nama, kata kerja dan partikel (telah diterangkan dalam bab 3). Selagi pelajar menggunakan formula-formula yang dipelajari dengan betul, mereka tidak akan menghadapi masalah untuk membezakan jenis kosa kata tersebut. Jadual di atas jelas menunjukkan sikap ambil mudah di kalangan pelajar terhadap kaedah dan formula yang sepatutnya dikuasai mereka dalam proses pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 52

Prestasi Dalam Membezakan Di Antara Kosa kata *Mudhakkar* dan *Mu`annath*

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	25	25 %
2	Sederhana	58	58 %
3	Lemah	17	17 %
	Jumlah	100	100 %

Bahasa Arab mempunyai unsur gender di dalam kosa katanya iaitu mudhakkar (مُذكَّر)

dan mu`annath (مُؤنَث). Unsur ini terdapat dalam kata nama dan pecahannya seperti,

kata sifat dan ganti nama, ia juga terdapat dalam kata kerja dan pecahannya seperti kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini/masa depan dan juga kata kerja arahan. Jadual di

atas menunjukkan hanya 25 peratus pelajar yang dapat menguasainya dengan baik, 58 peratus di tahap sederhana, manakala 17 peratus pelajar yang masih lemah.

Unsur gender ini bukan sahaja terdapat kosa kata yang menunjukkan manusia, malah ia juga digunakan untuk kosa kata binatang dan benda. Kemampuan untuk menguasai formula-formula tentang perbezaan gender ini sepatutnya dimiliki oleh setiap pelajar khususnya mereka yang telah berada di peringkat pertengahan. Berada di tahap sederhana bermakna, pelajar itu masih sering melakukan kesilapan kerana masih kurang jelas sepenuhnya tentang formula atau kaedah yang sepatutnya mereka kuasai.

Selain dari menguasai kaedah atau formula tentang ciri-ciri perbezaan gender, pelajar juga perlu banyak bertanya dari pensyarah untuk memastikan perbezaan unsur ini dengan lebih tepat lagi. Ini adalah kerana kadang kala terdapat jug kosa kata BA yang mudhakkar yang mempunyai huruf ta' marbutat yang merupakan salah satu tanda mu'annath di akhirnya. Contoh: (أَسَامِي) *Usamat*. Huruf (ة) pada kata nama biasanya menunjukkan jenis mu'annath atau feminine, tetapi kosa kata "*Usamat*" ini merupakan nama seorang lelaki, dan begitu juga sebaliknya. Contoh: (هِنْدُون) *Hindun*, nama seorang wanita walaupun tidak mempunyai huruf (ة).

Jadual 53

Penguasaan Ganti Nama

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Baik	16	16 %
2	Sederhana	67	67 %
3	Lemah	17	17 %
	Jumlah	100	100 %

Penguasaan ganti nama (الضمائر) merupakan salah satu keperluan yang paling asas bagi setiap pelajar bahasa Arab. Kemahiran ini amat perlu terutama dalam komunikasi kerana tanpa penguasaan ganti nama dengan baik, pelajar akan gagal untuk menyampaikan mesej dengan betul samada dalam pertuturan maupun tulisan. Jadual di atas menunjukkan penguasaan ganti nama masih belum mencapai tahap yang sepatutnya. Hanya 16 peratus pelajar yang dapat menguasai dengan baik, 67 peratus di tahap sederhana manakala selebihnya iaitu 17 peratus masih lemah.

Selain dari bertutur dan menulis, penguasaan ganti nama sangat diperlukan oleh pelajar untuk memahami maksud ayat-ayat yang dibaca. Pelajar perlu memastikan ganti nama yang dibaca samada ianya ganti nama subjek atau objek, maskulin atau feminin dan sebagainya. Penguasaan ganti nama dengan baik, dapat membantu pelajar menguasai kemahiran bertutur dengan lebih cepat dan lancar. Untuk mengajar dan memperkenalkan ganti nama BA, pengajar memerlukan suatu kaedah yang baik dan ianya mestilah sesuai dengan keupayaan pelajar. Jenis kosa kata ini tidak boleh diperkenalkan secara sekali gus kerana bilangan dan pecahannya agak banyak.

Jadual 54

Ganti Nama Yang Bergabung dan Berasingan

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Amat susah	9	9 %
2	Susah	69	69 %
3	Senang	20	20 %
4	Amat senang	2	2 %
	Jumlah	100	100 %

Jadual ini pula menunjukkan pengakuan pelajar secara jujur tentang anggapan mereka terhadap penguasaan ganti nama yang bergabung dan berasingan. 9 peratus dari mereka mengatakan ianya amat susah, 69 peratus mengatakan ianya susah 20 peratus menganggap ianya senang dan 2 peratus lagi mengatakan ianya amat senang. Jadual ini jelas menunjukkan kelemahan yang sangat ketara di kalangan pelajar dalam menguasai kosa kata ganti nama.

Bahasa Arab mempunyai ganti nama berasingan (ضمیر مُنْفَصِلٌ) seperti: (هُوَ ، هِيَ ، أَنْتَ ، أَنْتِ) dan juga ganti nama bergabung seperti: (يَكُبُّونَ ، يَكُبُّانَ ، يَكُبُّنَ). Ganti nama berasingan ialah ganti nama yang berasingan samada dengan kata kerja mahupun partikel, manakala ganti nama bergabung pula ialah ganti nama yang bergabung di dalam kata kerja atau partikel. Ganti nama jenis bergabung ini sering menjadi masalah kepada pelajar samada semasa membaca, menulis atau bertutur.

Jadual 55

Pecahan Kata Kerja

Bil	Perkara	Bil. Responden	Peratus
1	Dua	14	14 %
2	Tiga	39	39 %
3	Empat	3	3 %
4	Tidak pasti	44	44 %
	Jumlah	100	100 %

Soalan terakhir yang di tanya dalam soal selidik pelajar ialah bilangan pecahan kata kerja. Soalan ini semata-mata untuk menguji pengetahuan pelajar tentang penguasaan mereka tentang kosa kata kata kerja serta pecahannya. Hanya 39 peratus dari 100 responden yang dipilih dapat menjawab dengan tepat iaitu “tiga”, 14 peratus mengatakan “dua” manakala 44 peratus lagi tidak pasti atau lebih tepat, tidak tahu.

Walaupun kata kerja BA terbahagi kepada beberapa kategori dan pecahan, tetapi di peringkat asas, pelajar hanya didedahkan kepada pecahan-pecahan asas sahaja iaitu kata kerja kala lampau (فعل ماضٍ), kata kerja kala kini/masa depan (فعل مُضارعٌ) dan kata kerja arahan (فعل أمرٌ). Ini jelas menunjukkan walaupun berjaya melepas peringkat asas namun dari segi penguasaan sebenar tentang kosa kata BA, masih di tahap yang sangat lemah dan perlu di atasi oleh kedua belah pihak iaitu pengajar dan pelajar. Proses pembelajaran banyak bergantung kepada pendekatan dan kaedah pengajaran yang baik dan berkesan. Dalam kontek ini, tenaga pengajar memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar tidak diabaikan begitu sahaja.

4.3 **Kesimpulan**

Hasil soal selidik ini telah mendedahkan kelemahan-kelemahan pelajar di dalam menguasai kosa kata BA walaupun di peringkat yang paling asas. Ia juga membuktikan kewujudan masalah penguasaan kosa kata di kalangan pelajar bahasa Arab peringkat pertengahan di UiTM serta jenis-jenis kosa kata yang sering menjadi masalah kepada mereka dalam proses pembelajaran. Populasi pelajar yang mempunyai masalah dalam penguasaan kosa kata di UiTM adalah tinggi dan membimbangkan.

Yang paling menyedihkan ialah kebanyakan pelajar cepat lupa apa yang telah dipelajari, seolah-olah bahasa al-Quran ini tidak memberi makna dalam hidup mereka. Keikhlasan dalam pembelajaran amatlah penting untuk memastikan ilmu yang telah dituntut tidak lenyap begitu sahaja.